

Headline	Industri perlu cekap guna tenaga elektrik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	27 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Bisnes	Page No	58
ArticleSize	254 cm ²	Journalist	NORSHAHZURA
PR Value	RM 4,191		



FOTO: ZULFADHLI ZAKI

Industri perlu cekap guna tenaga elektrik



KAMALIAH

NORSHAHZURA MAT ZUKI

SEKTOR industri dan komersial di negara ini perlu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik demi kebaikan kepada negara dan alam sekitar. Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Pengguna Bahagian Pembahagian Tenaga Nasional Bhd (TNB) Ir Kamaliah Abdul Kadir berkata, kesedaran mengenai penggunaan tenaga cekap dalam kalangan pemain industri perlu dipupuk kerana ia akan membantu mengurangkan kos elektrik dalam operasi mereka.

"(Usaha kesedaran) ini akan memberikan cabaran kepada TNB tetapi kami komited dengan melakukan banyak inisiatif untuk berkongsi, mendidik dan membantu pelanggan kami menghadapi rasionalisasi subsidi," katanya selepas menghadiri Forum Kecekapan Tenaga untuk Kemampanan Perniagaan di Shah Alam, semalam.

Kamaliah berkata, TNB bersedia memberi penerangan kepada pelanggan bagi mencapai matlamat penggunaan tenaga cekap dalam jangka panjang. Mengulas mengenai seminar itu, Kamaliah berkata, 200 peserta hadir ke program itu yang diadakan untuk memberi pendidikan dan berkongsi pengalaman mengenai penggunaan tenaga cekap.

Ahli panel yang terlibat memberikan taklimat mengenai penggunaan tenaga cekap ialah Ketua Pegawai Eksekutif GreenTech Malaysia, Ahmad Hadri Haris; Presiden Pertubuhan Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia, Zulkifli Zahari; Presiden Pertubuhan Penyelidikan Tenaga dan Air Malaysia, S Piarapakaran; dan Pengurus Projek Negara Industri Tenaga Cekap Sektor Pembuatan Malaysia, Dr K S Kannan.